# Informasi Dari AVA

SIRI MAKLUMAT MENGENAI PEMILIKAN HAIWAN PELIHARAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DARI PENGUASA AGRI-MAKANAN DAN VETERINAR (AVA) - JUN 2004



# Jangan Membuang Haiwan Peliharaan Anda!

HAIWAN PELIHARAAN ADALAH UNTUK SEPANJANG HAYAT

## Fakta Yang Mengejutkan.

Ribuan haiwan peliharaan telah dibuang oleh pemiliknya setiap tahun. Pembuangan haiwan peliharaan yang tidak dikehendaki telah menimbulkan masalah keliaran. Salah tanggapan yang sering digunakan, iaitu membuang haiwan peliharaan yang tidak dikehendaki adalah lebih baik dari menamatkan riwayatnya. Namun, apa yang orang ramai tidak sedari ialah pembuangan haiwan peliharaan membawa kesengsaraan terhadap haiwan itu sendiri dan menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat.




## Apa Yang Terjadi Kepada Haiwan Peliharaan Yang Dibuang?

Apakah nasib haiwan yang dahulu disayangi, kini tanpa makanan dan tempat perlindungan? Lemah dan tidak berdaya untuk melindungi diri, haiwan yang telah jinak ini selalunya tidak boleh hidup sendiri.



## Haiwan Peliharaan Adalah Untuk Selamanya. Jangan Dibuang Haiwan Kesayangan Anda.

Haiwan kesayangan memerlukan perhatian yang khusus serta kasih sayang. Adalah kejam dan tidak bertanggungjawab untuk membuangnya. Membuang haiwan peliharaan tidak seharusnya menjadi pilihan anda.



Adakah Anda Rasa Bersalah Membuang Haiwan Peliharaan Anda?

## Mengapa Orang Membuang Haiwan Peliharaan Mereka?

Pengetahuan yang cetek mengenai haiwan peliharaan mereka adalah salah satu sebab utama mengapa pembuangan haiwan peliharaan berlaku. Kurang rasa tanggungjawab sebagai pemilik haiwan peliharaan menambahkan lagi pelbagai alasan bagi pembuangan haiwan berkenaan.





**TEMUI AVA** Penguasa Agri-Makanan dan Veterinar (AVA) telah ditubuhkan untuk menjaga daya kenyal dan keselamatan bekalan makanan, melindungi kesihatan haiwan dan tanaman serta memudahkan dagangan agri bagi Singapura.

**AVA MENJUARAI KEBAJIKAN HAIWAN**

Satu daripada matlamat utama AVA ialah melindungi dan mempromosi kebajikan haiwan. AVA lakukan ini dengan menguatkuasakan peraturan-peraturan ketat bagi melindungi haiwan dari kekejaman dan mendidik orang ramai akan tanggungjawab sebagai pemilik haiwan peliharaan.

Melalui pendidikan awam seperti ceramah, pertunjukkan, pameran dan percetakan, AVA melengkapi para pemilik serta bakal pemilik dengan ilmu pengetahuan mengenai penjagaan dan tanggungjawab yang harus wujud sebagai seorang pemilik haiwan peliharaan. AVA juga bekerjasama dengan organisasi-organisasi kebajikan haiwan.

Usaha ini amat kritikal bagi mencapai mutu tinggi dalam penjagaan haiwan peliharaan dan mengurangi pembuangan haiwan peliharaan. AVA berperanan untuk memastikan bahawa keharmonian yang berterusan wujud di antara orang ramai dan haiwan-haiwan di Singapura.

**SUMBER KEBAJIKAN HAIWAN AVA** Pusat Kebajikan dan Kawalan Haiwan AVA (CAWC) adalah satu pusat perhentian mengenai hal-hal berkenaan kebajikan haiwan dan kawalan. Orang ramai boleh singgah ke pusat ini untuk mendapatkan informasi mengenai haiwan peliharaan dan penjagaannya. Ceramah mengenai tanggungjawab pemeliharaan haiwan dan penerbitan mengenai kebajikan haiwan boleh didapati atas permintaan.

Pusat Kebajikan dan Kawalan Haiwan AVA terletak di:
75 Pasir Panjang Rd, Singapore 118507

Untuk maklumat selanjutnya mengenai hal ini:
- hubungi talian AVA di 6471 7197
- lungsuri lelaman AVA di www.ava.gov.sg


**AGRI-FOOD AND VETERINARY AUTHORITY OF SINGAPORE**
5 Maxwell Road, #02-03 MND Complex, Tower Block, Singapore 069110
General enquiries hotline: (65) 6325 7625 Fax: (65) 6220 6068
Email: AVA_Email@ava.gov.sg